

08 MAY 1996

Osman - Sanusi

PM MAHU GANTI SAYA DENGAN SANUSI, KATA OSMAN AROFF

ALOR SETAR, 8 Mei (Bernama) -- Tan Sri Haji Osman Aroff hari ini berkata Perdana Menteri meminta beliau meletakkan jawatan Menteri Besar Kedah bagi memberi laluan kepada Anggota Dewan Undangan Negeri Kuah dan bekas Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid.

"Dia tidak kata apa-apa, cuma dia minta (saya) letak jawatan kerana mahu menggantikan saya dengan Sanusi," katanya ketika ditanya pemberita sama ada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan alasan pertukaran itu perlu dilakukan.

Osman, yang ditemui pemberita selepas mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di Wisma Darul Aman di sini, berkata bahawa Dr Mahathir tidak memberikan sebarang alasan untuk menggantikannya dengan Sanusi.

Semasa ditanya pemberita di Bangunan Parlimen selepas membentangkan usul Rancangan Malaysia Ketujuh Isnin lepas, Dr Mahathir berkata beliau belum membuat keputusan mengenai jawatan Menteri Besar Kedah.

Ketika ditanya sama ada beliau ada bertanya lebih lanjut kepada Perdana Menteri mengenai perkara itu, Osman berkata beliau meminta penjelasan tetapi tidak mendapat reaksi daripada Dr Mahathir.

"Itulah yang saya katakan, saya tak tahu. Saya tanya tetapi dia tak jawab," katanya.

Osman berkata beliau sendiri tidak tahu sebab-sebab lain kenapa beliau perlu meletakkan jawatan.

Beliau berkata perkara itu (arahan meletakkan jawatan) berlaku sebelum 22 Anggota Dewan Undangan Negeri mengeluarkan memorandum pada 24 Mac lepas untuk membantah sebarang usaha untuk menggantikan Osman sebagai Menteri Besar.

Ketika ditanya sama ada beliau sememang berhasrat untuk meletakkan jawatan walaupun tidak diarah oleh Perdana Menteri setelah timbul beberapa isu yang kontroversi di negeri ini, Osman berkata: "Tidak ... saya tidak bercadang untuk meletakkan jawatan. Tidak ada sebab bagi saya meletakkan jawatan.

"Kalau isu timbul, itu biasalah. Kadang-kadang kalau tak ada isu pun boleh dijadikan isu. Surat khabar selalu juga bangkitkan isu, walau pun tak ada isu.

"Sebagai pemimpin, kita kadangkala menghadapi banyak fitnah yang ditimbulkan. Allah tahu apa yang saya buat, sama ada orang membuat fitnah ataupun tidak ... di luar kuasa sayalah yang itu."

Apabila ditanya pula sama ada beliau kini sudah boleh menerima kenyataan untuk meletakkan jawatan setelah Perdana Menteri mengumumkan mengenai surat perletakan jawatannya itu, Osman berkata: "Tidak ... saya meletakkan jawatan kerana diminta oleh Perdana Menteri."

Mengenai berita kononnya ada pihak yang tidak berpuas hati dengan tindakan beliau meletakkan jawatan dan cuba untuk mengadakan demonstrasi, Osman berkata beliau berharap pihak berkenaan tidak melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan masalah.

Osman juga ditanya mengenai sentimennya terhadap 22 Anggota Dewan kini menyepikan diri walaupun dahulu menyatakan sokongan padu kepada beliau.

"Saya tak dapat nak kata apa-apa," katanya. -- BERNAMA

MFJ AHH